



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Jurutera rugi RM350,000 percaya waran tangkap
Publication/Portal: Berita harian
Date: 27 June 2019

Language: Malay
Section: Jenayah
Page: 20

Jurutera rugi RM350,000 percaya waran tangkap



Anggota itu kemudian mengirimkan waran tangkap melalui aplikasi WhatsApp”

Aibee Ab Ghani,
Ketua JSJN Negeri Sembilan

→ Macau Scam dakwa mangsa terbabit dadah, pengubahan wang haram

**Oleh Mohd Helmi Irwadi
Mohd Nor**
bhnews@bh.com.my

► Seremban

Seorang jurutera kerugian RM350,000 selepas diperdayakan sindiket Macau Scam di sebuah bank di Bandar Baru Nilai dan Tabung Haji (TH) di Kuala Lumpur minggu lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJN) Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Ab Ghani, berkata kejadian bermula pada 14 Jun lalu apabila lelaki berusia 41 tahun

itu dihubungi wanita yang mendakwa bekerja di Ibu Pejabat Pos Kuala Lumpur pada jam 10.30 pagi.

Katanya, mangsa yang menetap di Bandar Seri Putra, Selangor diberitahu memiliki sebuah bungkusan mengandungi kad pengenalan dan jaket hitam.

Lelaki dakwa di IPK Sabah

“Mangsa menafikannya, namun taliannya disambung pula kepada seorang lelaki yang mendakwa berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah.

“Anggota itu memberitahu mangsa terbabit aktiviti penguba-

han wang haram dan dadah. Anggota itu kemudian mengirimkan waran tangkap melalui aplikasi WhatsApp,” katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Aibeei berkata, talian disambung pula kepada seorang lelaki lain yang mendakwa pegawai polis, juga dari IPK Sabah dan mengesahkan kes berkenaan.

“Mangsa diminta membuka akaun bank jika mahu kes diselesaikan. Mangsa kemudian membuka akaun di sebuah bank di Bandar Baru Nilai dan memasukkan RM70,000 wang Amanah Saham Bumiputera (ASB) miliknya pada

jam 9.30 pagi, 18 Jun lalu.

“Mangsa sekali lagi memasukkan RM280,000 wang simpanan Tabung Haji ke dalam akaun berkenaan di Kuala Lumpur, pada jam 10.30 pagi, 20 Jun. Mangsa diminta menunggu siasatan dan merahsiakannya,” katanya.

Bagaimanapun, mangsa terkejut dimaklumkan tidak wujud kes seumpamanya ketika beliau menghubungi IPK Sabah, kelmarin.

Berikutan itu, mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Nilai dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan.